

Aniaya haiwan petanda psikopat

PERASAAN suka menganiyai haiwan antara petanda seseorang itu berkemungkinan besar bakal menjadi penjenayah psikopat atau penjenayah tegar seperti pembunuh dan perogol bersiri.

Menurut majalah *Psychology Today*, penjenayah-penjenayah tegar antarabangsa seperti Jeffrey Dahmer, John Wayne Gacy, Boston Strangler dan Ted Bundy kesemuanya mempunyai sejarah menyiksa haiwan semasa kanak-kanak.

Mangsa pertama mereka ialah



HILWA

haiwan sama ada haiwan peliharaan keluarga seperti kucing dan anjing atau haiwan lain seperti tupai sebelum beralih kepada manusia.

Penjenayah dalam kes tembak mati 17 individu di sebuah sekolah di Florida, Amerika Syarikat, Nikolas

Cruz juga dilihat mempunyai ciri-ciri itu apabila gemar memuat naik gambar haiwan-haiwan yang mati dibunuhnya seperti anjing, cicak dan kodok.

Pensyarah Psikologi Klinikal, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti

Kebangsaan Malaysia, Hilwa Abdullah@ Mohd. Nor berkata, ciri-ciri itu dapat dilihat pada respons individu kanak-kanak terhadap haiwan.

"Kanak-kanak itu mungkin menunjukkan sifat terlalu berani dan rasa seronok apabila melihat haiwan menggelupur atau tersiksa. Ia menjadi satu kepuasan bagi dirinya.

"Mereka tidak mempunyai sifat empati iaitu menjiwai perasaan orang lain. Mereka juga mungkin gemar melihat orang menjerit," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Hilwa berkata, perasaan itu boleh terbentuk daripada personaliti

semula jadi individu tersebut yang diwarisi secara genetik.

"Bagaimanapun faktor genetik cumalah 30 peratus sedangkan yang lebih besar ialah faktor persekitaran iaitu 70 peratus. Ini bermakna kalau pun seseorang itu memiliki sifat tersebut ia masih boleh dikekang dengan persekitaran dan cara dibesarkan yang baik oleh ibu bapa serta masyarakat sekitar," katanya.

Tambah Hilwa, penjenayah psikopat lazim dikaitkan dengan masalah mental namun ia bergantung kepada pertimbangan mahkamah untuk menilainya dalam menetapkan hukuman bagi jenayah yang dilakukan.